

12/04/1997

MB Selangor digesa letak jawatan

KUALA LUMPUR, Jumaat - Ketua Pembangkang Lim Kit Siang menggesa Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Muamad Taib, meletak jawatan atau mengambil cuti panjang sementara menunggu keputusan perbicaraan kesnya di mahkamah Australia yang dijadualkan Ogos ini.

Lim yang juga Setiausaha Agung DAP berkata, Muhammad yang menghadapi dua tuduhan kerana gagal mengisytiharkan wang tunai pelbagai mata wang yang jumlahnya bersamaan RM2.4 juta di Lapangan Terbang Antarabangsa Brisbane Disember lalu, harus meletakkan jawatan sebelum mesyuarat Dewan Undangan Negeri Selangor yang akan bermula Isnin ini.

Beliau berkata dalam satu kenyataan bahawa peletakan jawatan Muhammad akan menamatkan rasa malu yang dihadapi negara kerana laporan berterusan media antarabangsa mengenai kekayaannya yang didakwa melimpah ruah.

"Jika Muhammad tidak bersedia meletakkan jawatan, sekurang-kurangnya beliau harus mengambil cuti panjang serta-merta sehingga keputusan kes mahkamahnya diketahui Ogos ini," katanya.

Lim turut menyambut baik jaminan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam untuk tidak akan campur tangan dalam siasatan Badan Pencegah Rasuah (BPR) terhadap dakwaan berkaitan rasuah dan pemilikan harta Muhammad.

Mahkamah Majistret Brisbane diberitahu bahawa Muhammad yang dituduh membawa keluar wang itu dari Australia akan menghadapi tuduhan tambahan apabila hadir di mahkamah pada Ogos ini kerana membuat pengisytiharan palsu.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Nazri Abdul Aziz, semalam memberitahu Dewan Rakyat bahawa empat pegawai kanan BPR berada di Australia bagi menyiasat punca wang yang dibawa oleh Muhammad. - Bernama

(END)